

BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
UJIAN DIAGNOSTIK 3
2022

UJIAN DIAGNOSTIK 3 BAHASA MELAYU KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Markah penuh 100 markah**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]**

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

PANDUAN PENSKORAN**Soalan 1 : Morfologi [8 markah]**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata terbitan, semak setakat 4 kata terbitan yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata nama terbitan yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 4 ayat, semak setakat 4 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.
10. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.

Jawapan Soalan 1:**Kata Nama Terbitan****i) kandungan**

1. sesuatu yang dikandung oleh sesuatu yang lain, apa yang termuat (di dalam sesuatu)
2. sesuatu yang tercantum atau tersirat (di dalam hati dsb)
3. anak yang masih dalam rahim ibu
4. kandung, rahim

ii) ternakan

- binatang peliharaan (kuda, lembu kerbau, kambing dll)

iii) pelanggan

1. pembeli (surat khabar, majalah, dll) yang tetap
2. orang (syarikat) dsb yang membayar kepada seseorang seperti peguam (pembina dsb) untuk mendapatkan atau melakukan sesuatu bagi pihaknya.

iv) penternak

- orang yang memelihara dan membiakkan binatang.

v) makanan

- apa-apa sahaja yang boleh dimakan (seperti nasi, roti dll), rezeki

Senarai kata nama terbitan : 4 markah

Ayat : 4 markah

Soalan 2 : Sintaksis (6 markah)

1. Berikan 2 markah bagi setiap ayat pasif yang betul.
2. Susunan dan maksud ayat mesti dikekalkan bagi ayat aktif kepada ayat pasif.
3. Jika maksud ayat tidak dikekalkan beri 0 markah.

Jawapan Soalan 2 :**1. Ayat Aktif**

Leo Hendrik Baekeland mencipta bakelite dengan menggunakan tindak balas kondensasi.

Ayat Pasif

Bakelite dicipta oleh Leo Hendrik Bekeland dengan menggunakan tindak balas kondensasi.

2. Ayat Aktif

Rakyat Malaysia menggunakan sembilan bilion plastik setahun.

Ayat Pasif

Sembilan bilion plastik setahun digunakan oleh rakyat Malaysia.

3. Ayat Aktif

Plastik banyak menyebabkan ikan paus ditemui mati di laut-laut besar di dunia.

Ayat Pasif

Ikan paus ditemui mati di laut-laut besar di dunia disebabkan oleh plastik banyak.

Soalan 3 : Penyuntingan (11 markah)

- (i) Periksa jawapan calon setakat **sebelas** kesalahan pertama yang disenaraikan berdasarkan petikan.
 (ii) Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
 (iii) Berikan 0 markah jika calon **tidak** menyenaraikan perkataan yang salah.
 (iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

Jawapan Soalan 3:

Salah		betul
1. di dalam	-	dalam
2. boleh masyarakat tuturkan-		boleh dituturkan oleh masyarakat
3. kerana	-	sejak
4. dari	-	daripada
5. Oleh yang demikian	-	Oleh hal yang demikian
6. paling penting sekali	-	paling penting/ penting sekali
7. mengerat	-	mengeratkan
8. penghantar	-	pengantar
9. ialah	-	adalah
10. bertindak	-	berfungsi
11. menyatu padukan	-	menyatupadukan

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu Standard.

Deskripsi	
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis.	5 - 6 markah
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis.	3 - 4 markah
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis.	
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis.	1 - 2 markah
Ayat disalin bulat-bulat / isi tidak menikut urutan / salah fakta	0 markah

Cadangan Jawapan Soalan 4

Selepas habis / tamat idah, Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Oleh itu, Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja menjadi bersatu dan berbaik-baik seperti saudara sejalan tadi. Lalu, Seri Nara menyembah kepada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia memang anak bendahara.” Baginda bertitah, “Baiklah.” Lalu Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa (4 markah)

1. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa yang disenaraikan.
2. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa lain yang sama maksud.
3. Berikan 0 markah untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 2 peribahasa yang pertama sahaja

Jawapan Soalan 5:

Peribahasa dalam bahan	Peribahasa lain yang sama maksud/hampir sama maksud
Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	<ul style="list-style-type: none"> • Tak ada ribut, masakan daun bergoyang • Kalau tiada api, masakan ada asap • Hujan berpohon, panas berasal • Jikalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah
Bapa borek, anak rintik	<ul style="list-style-type: none"> • Bagaimana acuan begitulah kuihnya • Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi • Bagaimana rupa begitulah bayangnya • Rebung tidak jauh dari rumpun
Kera mendapat bunga	<ul style="list-style-type: none"> • Bagai kera diberi kaca

Bahagian B - Pemahaman**[35 markah]**

Markah penuh 35 dibahagikan kepada

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6 [Petikan Umum] dan soalan 7 [Petikan Sastera]

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna

Panduan Penskoran Soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis -Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
-Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 6 : (Pemahaman Petikan Umum)**Skema Jawapan**(i) Maksud frasa *mematuhi panduan*.

- menuruti / mentaati / mengikuti petunjuk 2
- *mematuhi* petunjuk 1
- menuruti / mentaati / mengikuti *panduan* 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Persamaan dan perbezaan langkah pencegahan yang boleh diamalkan untuk mengelakkan diri dijangkiti penyakit berjangkit

Persamaan

- Guna penutup mulut dan hidung 1
- Kerap cuci tangan 1

Perbezaan**Bahan 1**

- mengelakkan diri mengunjungi tempat yang penuh sesak (*crowded place*)
tempat yang terhad (*confined space*) 1
- mengelakkan mengadakan perbualan jarak dekat 1
- mematuhi amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (*warn*). 1

Bahan 2

- Dapatkan vaksin yang ditawarkan oleh kebanyakan fasiliti swasta 1
- Tutup mulut dengan tisu/ sapu tangan apabila batuk atau bersin 1

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi (satu isi daripada setiap bahagian)]**

(iii) Penguatkuasaan undang-undang tersebut perlu dilakukan supaya

- P1 Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak berwajib 1
- P2 Masalah penularan wabak dapat dibendung dengan lebih efektif/cepat 1
- P3 Tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap individu / pihak yang melanggar arahan 1

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

(iv) Sekiranya saya pemimpin negara perkara-perkara yang akan saya lakukan untuk memastikan kempen tersebut berjaya mencapai matlamatnya ialah

- P1 menyediakan / menambah peruntukan khas bagi menjayakan kempen tersebut 1
- P2 mengarahkan pihak media massa menyiarkan iklan / mengadakan kempen / membuat hebahan berkaitan kempen tersebut 1
- P3 mewujudkan Suruhanjaya Khas untuk memantau perjalanan kempen gaya hidup sihat tersebut 1
- P4 saya akan memberi sokongan dengan menghadiri setiap program / aktiviti yang dijalankan sempena kempen tersebut 1

[Maksimum: 4 markah]**[Isi cukup: 3 isi]**

Soalan 7 : Pemahaman Petikan Sastera**Skema Jawapan Soalan 7 :**

- i maksud *sugul sekali*
- dukacita sangat / susah hati sangat 2
 - dukacita sekali / susah hati sekali 1
- ii kesan-kesan peperangan kepada masyarakat

Bahan 1

- P1 - rakyat ditindas 1
- P2 - tenaga dikerah 1
- P3 - segala kekayaan hasil bumi mereka kaut. 1
- P4 - kemiskinan 1
- P5 - penderitaan hidup berleluasa 1

Bahan 2

- P1 - seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentak pergi dan terlucut begitu saja daripada genggamannya. 1
- P2 - keadaan jadi berkecamuk 1
- P3 - suasana kehidupan kampung dipegang ketakutan 1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- iii Peranan anggota masyarakat dalam memastikan keamanan negara akan terpelihara
- P1 - mengamalkan perpaduan 1
 - P2 - mengamalkan konsep rukun negara 1
 - P3 - mengamalkan toleransi 1
 - P4 - bijak memilih pemimpin 1

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iv Cadangan tindakan
- P1 - mencadangkan sekolah menganjurkan lawatan ke muzium yang mamaparkan tokoh negarawan. 1
 - P2 - mencadangkan penggunaan nama tokoh untuk kelas / bilik /dsb 1
 - P3 - mencadangkan sekolah menganjurkan sambutan bulan kemerdekaan 1
 - P4 - mencadangkan sekolah mewujudkan sudut tokoh 1
 - P5 - mencadangkan sekolah menganjurkan pertandingan melukis poster / pertandingan-pertandingan lain berkaitan tokoh 1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8: Novel

8. (i) Jawapan berdasarkan petikan novel.	Markah
(i) Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
(ii) Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
(iii) Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis.	2
(iv) Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
(v) Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

8.(ii) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel.

- (i) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.
- (ii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang tidak jelas
- (iv) Markah isi maksimum 4 markah (berdasarkan 2 isi yang lengkap/jelas).
- (v) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

Skema Jawapan Soalan 8 :

8. (i) Punca-punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka pada masa dahulu
- orang Melayu tidak lagi bersatu 1
 - para pemimpin pula berebut kuasa 1
 - fitnah dan adu domba berleluasa 1
 - Pahlawan Hang Tuah difitnah 1
 - Bendahara Tun Mutahir dihukum bunuh 1
 - Sultan Mahmud hilang takhta dan menjadi pelarian 1

[maksimum isi: 3 isi]

[3 markah + 1 markah bahasa (jika gramatis)]

(ii) Peristiwa-peristiwa yang menyedihkan hati pembaca

Novel Pantai Kasih

1. Peristiwa kematian anak Doktor Raiha dalam kebakaran kereta milik Doktor Sadiz di tepi sebuah rumah tumpangan.

Alasan : Anak yang tidak berdosa menjadi mangsa keadaan masalah rumah tangga kedua ibu bapanya.

2. Peristiwa seorang pesakit yang bernama Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan sendi tulang pinggul sebanyak enam kali di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
Alasan : Pesakit dari kelas golongan bawahan menjadi mangsa sikap tamak seorang doktor sehingga terpaksa menjalani pembedahan berulang kali.

Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa pelajar-pelajar dari Jepun datang ke Balai Cerap Sultan Salahuddin untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar, tanpa sebarang bantuan alat pencerap namun gagal kerana langit terlalu cerah dengan cahaya lampu kesan pembangunan pesat di Kuala Selangor.
Alasan : Pembangunan yang pesat menyebabkan masyarakat tidak dapat menikmati keindahan alam.
2. Peristiwa Nurul Hafsa menjadi mangsa apabila diculik dan abangnya, Budiman cedera dipukul. Muhammad Taufik cuba membebaskan Nurul Hafsa dengan mengikut arahan penculik untuk berjumpa di stesen minyak Petronas. Nurul Hafsa dibebaskan tetapi Muhammad Taufik pula diculik.
Alasan : Perasaan dendam yang menghantui diri menyebabkan seseorang bertindak luar batas sehingga menggugat keselamatan orang lain.

** Skema ini sebagai panduan guru. Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai.

[maksimum isi : 2 isi + 2 alasan]
[4 markah + 2 markah bahasa (holistik)]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- * nama khas
- * perkataan berganda
- * penggunaan kata sendi di dan ke
- * tarikh
- * angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- * gelaran
- * penanda wacana

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan **2 markah** bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesenambungan ayat sangat baik ● Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat ● Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesenambungan ayat baik ● Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu ● Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat ● Pengolahan masih menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesenambungan ayat kurang baik ● Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu ● Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat ● Pengolahan kurang menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

[Maksimum: 10 markah]

Nota :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Pendahuluan :

1. Rumusan membincangkan **punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor** longgokan sampah, **kesan-kesan/ akibat-akibat** longgokan sampah dan **langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara** mengatasi longgokan sampah, [2 markah]
2. Rumusan membincangkan **punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor** longgokan sampah, **kesan-kesan/ akibat-akibat** longgokan sampah. [1 markah]
3. Rumusan membincangkan **punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor** longgokan sampah. [1markah]

Fokus 1 : Punca-punca longgokan sampah

A1	orang ramai gagal menguruskan sampah mereka dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul.
A2	Masyarakat juga gemar menggunakan pinggan mangkuk dan bungkusan pakai buang
A3	amalan kitar semula di negara kita kurang mendapat sambutan
A4	kurangnya pendidikan tentang alam sekitar.

Fokus 2 : Kesan-kesan longgokan sampah

B1	mengancam alam sekitar.
B2	mengganggu kesihatan manusia
B3	kehidupan flora dan fauna.
C1	Menjejaskan imej negara

Fokus 3 : Langkah-langkah

- D1 masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam
- D2 kerajaan sewajarnya menyediakan kawasan pelupusan sampah yang berteknologi tinggi.
- E1 Mengurangkan sampah dan mengelakkan pembaziran
- E3 Asingkan barang yang boleh dikitar semula
- E3 Guna semula barang yang boleh digunakan lagi

Kesimpulan :

1. Kesimpulannya, semua pihak harus menangani masalah longgokan sampah supaya tidak mendatangkan penyakit kepada masyarakat. [2 markah]
2. Kesimpulannya, isu longgokan sampah dapat ditangani oleh semua pihak. [1 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT